

21 DEC 1999

PAK LAH ADAKAN MAJLIS BUKA PUASA DENGAN PEMIMPIN BN

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengadakan majlis berbuka puasa untuk para pemimpin Barisan Nasional (BN) yang beragama Islam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menteri Kabinet yang hadir antaranya ialah Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Tan Sri Musa Mohamad dan timbalan-timbalan Menteri.

Abdullah dan Dr Mahathir serta para tetamu turut menunaikan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah diikuti dengan solat terawih.

-- BERNAMA

MAM FAZ